

Nilai Universiti Terbaik Adalah Yang Turut Memberi Impak Kepada Masyarakat - Raja Nazrin Bernama 2 Oktober, 2012

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Raja Muda Perak bertitah nilai universiti terbaik adalah yang berupaya menghasilkan impak bukan sahaja terhadap warga universiti, malah turut memberi kesan limpahan yang bermakna kepada masyarakat.

Raja Dr Nazrin Shah bertitah untuk itu, universiti wajib berada di barisan hadapan menjuarai usaha menyemaikan etika murni dan integriti tinggi di kalangan warga di bawah pengawasannya.

"Universiti seharusnya menjadi tanda aras ketamadunan dan ketinggian intelektual masyarakat dan warga bangsanya," titah Raja Nazrin yang juga Pro Canselor Universiti Malaya pada bahagian kedua konvokesyen UM ke 51 di sini Selasa.

Pada majlis itu, dua profesor menerima anugerah gelaran Profesor Emeritus iaitu Profesor Dr Lee Sing, pakar kajian radiasi plasma yang memainkan peranan dalam menubuhkan Institut Kajian Fokus; dan Profesor Datuk Dr V Sivanesaratnam, pakar sakit puan.

Seramai 683 graduan ijazah sarjana termasuk dari Institut Antarabangsa Polisi Awam, Fakulti Pergigian dan Fakulti Perubatan menerima ijazah masing-masing.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=699008>